

RPN 2026-2035: Rancangan Satu Dekad Pendidikan Bersepadu Negara Bakal Diluncurkan Esok

Oleh Berita RPN-[Hannah](#)-19 Januari 2026 9:04pm

KUALA LUMPUR – Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bakal melancarkan Rancangan Pendidikan Negara (RPN) 2026–2035 sebagai pelan strategik menyeluruh yang merangkumi ekosistem pendidikan negara daripada peringkat sekolah hingga pendidikan tinggi. Pelancaran rasmi akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Anwar Ibrahim, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, menandakan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkukuh sistem pendidikan yang bermutu, inklusif dan berdaya saing di peringkat global.



Di peringkat pendidikan tinggi, Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026–2035 menjadi hala tuju utama pembangunan sektor tersebut bagi tempoh satu dekad akan datang, dengan penekanan terhadap integrasi teknologi dan Kecerdasan Buatan (AI), pembangunan bakat pembina negara serta pengukuhan peranan Malaysia sebagai hab pendidikan dan penyelidikan serantau. Sementara itu, Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026–2035 di bawah KPM memberi fokus kepada peningkatan akses dan kualiti pendidikan sekolah melalui tujuh teras strategik. Pelaksanaan bersepadu di bawah RPN 2026–2035 ini mencerminkan usaha berfasa dan menyeluruh dalam memastikan pembangunan modal insan negara yang berterusan dan lestari.